

## Soalan Lazim – HLM Takaful Tenang & HLM Takaful Tenang 50

### 1. Apakah produk ini?

Ini adalah pelan takaful keluarga bertempoh yang boleh diperbaharui setiap tahun yang menyediakan perlindungan terhadap kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD). Pelan ini akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh satu (1) tahun lagi tanpa pengunderaitan, sehingga dua (2) kali. Produk ini mengandungi dua pelan, iaitu HLM Takaful Tenang dan HLM Takaful Tenang 50.

### 2. Apakah perbezaan antara HLM Takaful Tenang dan HLM Takaful Tenang 50?

HLM Takaful Tenang membolehkan anda memilih Jumlah Perlindungan Asas Permulaan daripada RM20,000 hingga RM80,000, sementara HLM Takaful Tenang 50 membolehkan anda mempunyai sumbangan tetap RM50 setahun dan Jumlah Perlindungan Asas Permulaan anda akan bergantung pada usia anda.

Sila ambil perhatian bahawa HLM Takaful Tenang 50 adalah tawaran terhad yang tersedia hanya pada 2021.

### 3. Apakah mod pembayaran sumbangan?

Anda boleh membayar sumbangan secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan. Anda juga boleh mengubah mod pembayaran sumbangan pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

### 4. Bagaimana saya boleh membuat pembayaran sumbangan?

Anda boleh membayar sumbangan menggunakan kad kredit atau kad debit melalui Arahan Tetap (SI).

### 5. Bolehkah saya menyertai lebih daripada satu pelan?

Ya. Sijil berbilang adalah dibenarkan tetapi tertakluk kepada had gabungan maksimum RM80,000 Jumlah Perlindungan seumur hidup untuk HLM Takaful Tenang dan HLM Takaful Tenang 50.

### 6. Bolehkah saya menukar Jumlah Perlindungan saya selepas permulaan sijil?

Tidak, penukaran Jumlah Perlindungan adalah tidak dibenarkan selepas permulaan sijil.

### 7. Apakah umur kemasukan minimum dan maksimum untuk HLM Takaful Tenang & HLM Takaful Tenang 50?

Pelan	Umur Kemasukan Minimum	Umur Kemasukan Maksimum
HLM Takaful Tenang	18	60
HLM Takaful Tenang 50	18	55

### 8. Berapa lamakah perlindungan HLM Takaful Tenang dan HLM Takaful Tenang 50?

Tempoh perlindungan bagi kedua-dua pelan ini adalah setahun tetapi ianya akan diperbaharui secara automatik selama setahun lagi, sehingga maksimum dua (2) kali.

### 9. Bagaimanakah pembaharuan secara automatik berfungsi untuk HLM Takaful Tenang dan HLM Takaful Tenang 50?

Pada akhir tahun sijil, pelan yang anda pilih akan diperbaharui secara automatik untuk setahun lagi, tanpa pengunderaitan. Pembaharuan maksimum yang dibenarkan adalah sehingga 2 kali. Setelah pembaharuan sijil, Jumlah Perlindungan Asas juga akan meningkat kepada 105% dan 110% daripada Jumlah Perlindungan Asas Permulaan masing-masing pada pembaharuan pertama dan kedua.

#### 10. Adakah sumbangan saya akan kekal sama ketika pembaharuan?

Ya, amaun sumbangan akan kekal sama ketika pembaharuan.

#### 11. Adakah terdapat sebarang rider pilihan yang boleh dilampirkan kepada pelan ini?

Tidak, tiada rider yang boleh dilampirkan kepada HLM Takaful Tenang dan HLM Takaful Tenang 50.

#### 12. Perlukah saya membuat pemeriksaan perubatan?

Tidak. Pemeriksaan perubatan tidak diperlukan untuk HLM Takaful Tenang dan HLM Takaful Tenang 50.

#### 13. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?

Bagi pelan HLM Takaful Tenang, sumbangan yang anda perlu bayar bergantung kepada umur kemasukan, jantina dan Jumlah Perlindungan anda. Sila rujuk Helaiian Pendedahan Produk untuk jumlah sumbangan yang anda perlu bayar. Bagi HLM Takaful Tenang 50, sumbangan anda adalah tetap iaitu RM50 setahun. Sumbangan adalah sama sepanjang tempoh perlindungan.

#### 14. Selama manakah perlu saya membayar sumbangan?

Sumbangan perlu dibayar sepanjang tempoh perlindungan.

#### 15. Adakah sumbangan dijamin sepanjang tempoh perlindungan?

Tidak, sumbangan adalah tidak dijamin. Kami berhak untuk mengubah kadar sumbangan dengan memberikan 90 hari notis bertulis kepada Orang Dilindungi sebelum pembaharuan.

#### 16. Apakah akan berlaku jika saya gagal membayar sumbangan pada masanya?

Tempoh ihsan selama 30 hari daripada setiap tarikh sumbangan perlu dibayar adalah dibenarkan bagi membuat pembayaran sumbangan. Sekiranya sumbangan masih belum dibayar pada akhir tempoh ihsan tersebut, sijil akan luput.

#### 17. Adakah sumbangan yang dibayar untuk HLM Takaful Tenang dan HLM Takaful Tenang 50 layak untuk pelepasan cukai pendapatan?

Ya, anda layak mendapat pelepasan cukai peribadi bagi sumbangan yang dibayar di bawah "Insurans Hayat/Takaful", tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

#### 18. Jika sijil saya sudah luput, bolehkah saya membuat pengembalian semula?

Ya, anda boleh membuat pengembalian semula sijil anda sebelum tarikh luput dengan mengisi Borang Pengembalian Semula [di sini](#) dan emailkan kepada kami di [ReachUs@takaful.hongleong.com.my](mailto:ReachUs@takaful.hongleong.com.my). Sebagai alternatif, anda juga boleh mengembalikan sijil anda di mana-mana cawangan kami.

#### 19. Apakah yuran yang perlu saya bayar?

- Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan termasuk kos pemasaran.
- Tabarru' akan ditolak daripada sumbangan dan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta (PRF). Kadar Tabarru' adalah sama tetapi tidak dijamin. Kami berhak untuk mengubah kadar Tabarru' dengan memberikan 90 hari notis bertulis kepada Orang Dilindungi sebelum pembaharuan.

## 20. Adakah HLM Takaful Tenang dan HLM Takaful Tenang 50 mempunyai nilai tunai?

Tidak, pelan-pelan ini tidak mempunyai nilai tunai.

## 21. Adakah HLM Takaful Tenang dan HLM Takaful Tenang 50 mempunyai nilai matang?

Tidak, pelan-pelan ini tidak mempunyai nilai matang.

## 22. Apakah akan berlaku sekiranya saya mendapati pelan-pelan ini tidak memenuhi keperluan saya selepas meneliti sijil tersebut?

Anda boleh membatalkan sijil dengan memberikan kami notis bertulis dan memulangkan sijil dalam tempoh bertenang selama 15 hari selepas ia dihantar kepada anda. Kami akan memulangkan keseluruhan sumbangan yang telah anda bayar.

## 23. Bagaimanakah saya membuat tuntutan?

Sila rujuk Panduan Tuntutan dibahagian "Tuntutan" di dalam laman web produk ini.

## 24. Kepada siapakah manfaat sijil saya akan dibayar sekiranya berlaku tuntutan?

Setelah tuntutan kematian diluluskan, faedah akan dibayar kepada sesiapa yang telah anda namakan sebagai waris bagi sijil anda atau kepada wasi yang sah atau pentadbir harta pusaka (jika tiada penamaan dibuat). Bagi tuntutan TPD, manfaat akan dibayar kepada anda sebagai pemilik sijil.

## 25. Bagaimanakah saya boleh membuat penamaan?

Anda boleh membuat penamaan dengan mengisi Borang Penamaan [di sini](#) dan emailkan kepada kami di [ReachUs@takaful.hongleong.com.my](mailto:ReachUs@takaful.hongleong.com.my). Sebagai alternatif, anda juga boleh membuat penamaan di mana-mana cawangan kami.

## 26. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Pembatalan akan berkuat kuasa dari tarikh sumbangan perlu dibayar berikutnya. Sila ambil maklum bahawa semasa pembatalan, sijil Takaful ini tidak akan memberikan apa-apa bayaran daripada PRF dan anda akan kehilangan manfaat dibawah sijil anda.

## 27. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

- (a) Bunuh diri – sekiranya kematian disebabkan membunuh diri dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan atau sebarang tarikh pengembalian semula sijil, tiada manfaat kecuali Tabarru' yang tidak digunakan (jika ada) akan dibayar.
- (b) Manfaat TPD tidak akan dibayar sekiranya TPD disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
  - cubaan membunuh diri atau kecederaan yang disengajakan diri ketika waras atau tidak waras;
  - terlibat dalam penerbangan udara (termasuk terjun payung dan terjun udara) selain sebagai kru atau sebagai penumpang yang membayar tambang pada pesawat komersial yang membawa penumpang berlesen yang beroperasi di laluan berjadual biasa; atau
  - Keadaan Sedia Ada yang tidak didedahkan kepada kami berkaitan dengan status kesihatan anda.

## 28. Siapakah yang harus saya hubungi sekiranya saya mempunyai pertanyaan selanjutnya?

Anda boleh menghubungi kami melalui Hotline Perkhidmatan Pelanggan kami di +603 7650 1800 atau emel kami di [ReachUs@takaful.hongleong.com.my](mailto:ReachUs@takaful.hongleong.com.my).